

Haram import minyak sawit nafi perdagangan bebas

PM dakwa Eropah lancar kempen selepas gagal kekalkan daya saing produk mereka

Daripada Lokman Mansor di New York

Cubaan negara Eropah untuk mengharamkan import minyak sawit yang dikeluarkan Malaysia dan banyak negara miskin adalah Contoh klasik perbuatan meniadakan perdagangan bebas, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.


Perdana Menteri berkata, negara Eropah melancarkan kempen bagi mengharamkan minyak sawit selepas gagal mengekalkan daya saing minyak masak mereka.

Beliau berkata, kempen itu mendakwa kononnya minyak sawit adalah beracun manakala penanaman kelapa sawit memusnahkan habitat monyet, mengurangkan penyerapan karbon dioksida dan sebagainya.

"Minyak sawit masih menjadi penyumbang besar kepada ekonomi kami.

"Tiada bukti bahawa ia beracun kepada kesihatan. Kami merayu kewarasan mereka yang kaya untuk tidak memiskinkan kami, tidak menghalang ratusan ribu pekerja kami daripada mencari rezeki.

"Anda akan melakukan kebajikan dengan menggunakan minyak sawit," katanya berucap pada Perbahasan Umum Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Per-



Dr Mahathir berucap pada Perbahasan Umum Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, semalam.

(Foto BERNAMA)

tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga prihatin terhadap alam sekitar seperti mana negara Eropah dan tidak akan meneroka lebih banyak hutan untuk perladangan kelapa sawit.

Malah, katanya, 55.3 peratus kawasan tanah di Malaysia diliputi hutan, mengatasi ikrar mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan tanah diliputi hutan seperti yang dibuat pada Sidang Kemuncak Bumi Rio pada 1992.

Menyentuh mengenai perdagangan bebas, Dr Mahathir berkata peraturan baharu terus diperkenalkan biarpun ia merencat pembangunan di negara miskin.

Beliau berkata, peraturan ba-

haru itu dirangka oleh negara kaya, sering kali secara rahsia, dan dipaksakan ke atas negara miskin untuk menerimanya.

"Satu contoh ialah Perjanjian Trans Pasifik (TPP). Ia dirangka di Washington dengan cadangan syarikat besar mereka.

"Dalam perjanjian itu, kerajaan negara kecil dipaksa untuk membayar pampasan yang besar kepada syarikat besar asing, sekiranya keputusan mereka menjejaskan keuntungan syarikat besar berkenaan, termasuk keuntungan di masa depan," katanya.

Perdana Menteri, berkata biarpun selepas Amerika Syarikat menarik diri daripada perjanjian itu, masih banyak peraturan perdagangan dirangka.

"Kami diberitahu bahawa kami perlu memansuhkan duti import

"Kami merayu kewarasan mereka yang kaya untuk tidak memiskinkan kami, tidak menghalang ratusan ribu pekerja kami daripada mencari rezeki.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

atau mengurangkannya supaya produk asing boleh mengalahkan industri kami yang masih kecil.

"Kami hanya dibolehkan mengeksport bahan mentah. Macam

mana kami hendak menjadi negara perindustrian dan mewujudkan kerja untuk rakyat kami?" katanya.

Berhubung sekatan yang dikenakan terhadap negara tertentu, Dr Mahathir berkata tidak diketahui di bawah undang-undang mana sekatan seumpama itu dikenakan.

"Ia dilihat sebagai keistimewaan pihak yang kaya dan berkuasa. Jika kita mahu mengenakan sekatan, kita perlu ada undang-undang untuk mentadbirnya.

"Hakikatnya adalah apabila sekatan dikenakan ke atas sebuah negara, negara lain turut terkena sekatan itu.

"Malaysia dan banyak negara lain kehilangan pasaran besar apabila sekatan dikenakan ke atas Iran," katanya.